



TERBITAN
09

2021
26 MAC

SIDANG REDAKSI

Penerbit:
**Program Kajian Sejarah
dan Serantau, Penang
Institute**

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
**Nidhal Mujahid
Sheryl Teoh**

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik
pengarang.

Segala fakta dan pendapat
adalah di bawah
tanggungjawab pengarang.
Pandangan dan tafsiran
pengarang tidak semestinya
mencerminkan pandangan
rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini
adalah dengan izin
pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Tentang Muzik, Jiwa, dan Bakat Tempatan

Beh May Ting

MUZIK merupakan perkara penting bagi ramai individu dan masyarakat. Ianya bukan sekadar susunan bunyi dan melodi yang didengar melalui aplikasi Spotify atau radio kereta sahaja. Rentak irama dan alatan muzik juga sering menjadi lambang identiti kaum, puak, budaya, dan tradisi. Namun, bagi saya, muzik merupakan cara untuk mempelajari makna hidup.

Melentur buluh biarlah dari rebungunya. Demikianlah nasihat para guru muzik kepada para ibu bapa yang ingin menghantar anak-anak mereka ke kelas piano dan biola. Saya masih ingat bahawa kelas mingguan muzik merupakan satu kegiatan yang agak mengerikan. Alasannya adalah kerana saya terpaksa berlatih bermain alat muzik di rumah kalau tidak ingin dimarahi guru muzik yang garang.

Peperiksaan praktikal dan teori muzik yang diadakan setiap tahun malah lebih mencabar berbanding dengan peperiksaan-peperiksaan yang biasa kita hadapi di sekolah. Bayangkan perasaan gementar kanak-kanak berusia 7 tahun ketika melangkah masuk ke dalam bilik peperiksaan — yang selalunya diadakan di hotel — seorang diri dan menghadap pemeriksa mat salleh. Nasib baik atau buruk saya berada dalam genggamannya. Masih jelas terpahat dalam minda saya bahawa, setiap tahun, hari peperiksaan *Associated Board of the Royal Schools of Music* (ABRSM) merupakan hari

yang paling menakutkan dalam sejarah hidup saya sebagai anak kecil.

Melangkah masuk ke sekolah menengah, nasib saya lebih baik kerana berpeluang untuk berkenalan dengan alat muzik dan orkestra tradisional Melayu seperti caklempong dan gamelan. Bunyi gong, gema bonang, dan tepukan gendang memercikkan rasa muhibah apabila dimainkan secara beriringan. Malah, sebagai sebahagian daripada sukatan pelajaran Muzik untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya dan teman-teman sekelas diperkenalkan dengan nama-nama seniman besar tanah air asal Pulau Pinang seperti P. Ramlee dan Jimmy Boyle dengan lagu-lagu klasik mereka seperti *Getaran Jiwa* dan *Putera-Puteri*.

Biarpun pada waktu itu saya mengenali dan mempelajari sumbangan mereka semata-mata untuk lulus peperiksaan, sebagai seorang anak *milenial*, tidak dapat dinafikan bahawa saya merasa bangga kerana tahu serba sedikit tentang sejarah muzik Malaysia. Saya sendiri juga pernah mahir bermain alatan muzik tradisional Melayu.

Sebagai individu yang pernah ‘dipaksa’ untuk menghadiri kelas muzik semasa zaman kecil, saya akhirnya mengerti keuntungan menjejaki dunia muzik apabila telah menjadi seorang dewasa. Muzik tidak hanya melatih saya untuk menjadi lebih berdisiplin, bertanggungjawab, dan yakin untuk menghadapi cabaran sejak kecil, ia juga

menjadi tempat saya melepaskan diri daripada tekanan kehidupan.

Kini, setiap sentuhan dan tekanan jari-jemari di atas papan kunci piano menjadi lebih bermakna, lebih intim, dan bukan lagi sekadar latihan untuk lulus peperiksaan. Malah, ketika rasa jemu akibat kawalan pergerakan secara paksa membuak-buak, saya kembali mencapai piano lama yang masih berdiri megah di ruang tamu rumah. Walaupun sudah lama tidak menyapanya, piano tersebut seolah-olah membawa saya pulang ke zaman kanak-kanak.

Muzik tidak hanya melatih saya untuk menjadi lebih berdisiplin, bertanggungjawab, dan yakin untuk menghadapi cabaran sejak kecil, ia juga menjadi tempat saya melepaskan diri daripada tekanan kehidupan.

Menjenguk Zaman Keemasan

Walaupun mendiang nenek saya tidak memahami bahasa Inggeris, semasa hayatnya, dia sering memecahkan suasana hening ruang tamu rumah dengan dendangan lagu *Can't Buy Me Love* oleh The Beatles melalui geseran jarum halus pada permukaan piring hitam. Pada hari ini, piring hitam atau rekod vinil yang pada suatu ketika dahulu pernah digantikan oleh kaset dan cakera padat kembali menjadi tarikan. Memandangkan ramai anak muda mengenakan gaya rambut ala Dean Martin yang tebal dengan pomade, adakah ini suatu petanda bahawa orang sudah mula menoleh kembali ke zaman retro?

Mungkin ada benarnya. Namun, kita tidak semestinya perlu terbang jauh untuk memukut nostalgia. Di tanah air sendiri lubuknya cukup luas. Jika kita merenung kembali zaman keemasan muzik Malaysia, maka sudah pastinya kita akan bertemu dengan banyak nama yang sama naiknya dengan P. Ramlee dan Jimmy Boyle. Malah, kebanyakan daripada mereka, misalnya Ooi Eow Jin dan Alleycats, ialah anak jati Pulau Pinang.

Sebut sahaja nama Seniman Agung P. Ramlee, terus terbayang citra-citra lawak dan romantis wayang hitam putih beliau seperti Madu Tiga dan Seniman Bujang Lapok. Suara

lemak merdu dan kebaya ketat biduanita Saloma turut mengiringi gambaran ini. Hakikatnya, pilihan bahasa dalam lirik halus dan bermakna, serta nyanyian suara sehalus sutera tetapi jelas ala nyanyian P. Ramlee adalah sesuatu yang sukar untuk ditandingi. Jika kita perhatikan, gubahan lagu pada zaman itu juga lebih menonjolkan suara penyanyi yang diiringi dengan alatan muzik, bukan sebaliknya.

Namun, zaman itu dan segala keindahannya sudahpun berlalu. Tidak dapat dinafikan bahawa zaman kemasyhuran muzik sebegini telah pudar dan kini hanya menjadi sekadar ingatan romantik untuk generasi hari ini. Malah, tidak memeranjatkan kalau ada pemuda-pemudi zaman sekarang tidak mengenali nama para legenda muzik tanah air ini. Sebaliknya, yang mendapat sanjungan tinggi di serata dunia adalah penghibur-penghibur antarabangsa, terutamanya dari Amerika Syarikat dan Korea Selatan.

Yang Patah Tumbuh, Yang Hilang Berganti

Industri muzik moden Malaysia pernah mencapai zaman kegemilangannya lebih-lebih lagi pada tahun 1990-an dan awal 2000-an dengan bintang-bintang seperti Siti Nurhaliza, Sheila Majid, Ning Baizura, KRU, dan ramai lagi. Kemudian, datang generasi penghibur seperti Yuna, anak kelahiran Kedah, yang mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa. Jelas bahawa anak-anak Malaysia sememangnya berbakat dan mampu untuk setanding dengan para penyanyi dan pemuzik antarabangsa.

Namun demikian, peluang dan galakan untuk mereka menonjolkan diri baik pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa perlu diberikan. Masalah yang perlu diberikan perhatian bukanlah semata-mata kualiti bakat tempatan, tetapi kita perlu memahami bahawa persaingan untuk menonjolkan bakat masing-masing adalah sengit. Hal ini ditambah lagi dengan budaya menyanjung penghibur-penghibur antarabangsa lebih menyerlah dan kuat berbanding dengan sanjungan terhadap penghibur-penghibur tempatan.

Peralihan segenap aspek kehidupan manusia ke dunia digital dan peningkatan populariti media sosial sebagai tempat manusia berinteraksi menghadirkan cabaran lain terhadap para pemuzik dan penghibur. Di ruang ini, penciptaan muzik dan sumber hiburan menjadi lebih demokratik. Walau bagaimanapun, sisi lain daripada

perkembangan ini memperlihatkan bahawa sesiapa sahaja boleh menjadi penghibur dan terkenal dengan hanya memuatnaik kandungan-kandungan Internet seperti video dan sebagainya.

Masalah yang perlu diberikan perhatian bukanlah semata-mata kualiti bakat tempatan, tetapi kita perlu memahami bahawa persaingan untuk menonjolkan bakat masing-masing adalah sengit.

Dengan adanya teknologi digital, kemahiran dan bakat boleh ditonjolkan dengan lebih nyata sekiranya mendapat peluang yang bersesuaian. Namun, pertanyaan yang boleh diajukan adalah, adakah hal ini memberi lebih banyak peluang atau merumitkan lagi hala tuju mereka yang berbakat dalam bidang seni?

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak rintangan yang dihadapi mereka yang bercita-cita untuk menjadi ahli

muzik pada hari ini. Pertama, halangan daripada ibu bapa yang mengharapkan anak-anak mereka supaya melakukan pekerjaan yang dianggap lebih stabil dan bermartabat. Kedua, walaupun ramai yang bekerja keras untuk menghasilkan seni mereka, hal ini tidak menjamin bahawa mereka akan berjaya mencapai cita-cita mereka.

Kadang-kadang, bakat dan kerja keras juga tidak mencukupi jika seseorang itu tidak memiliki modal sosial ataupun rangkaian kenalan yang boleh membantu dalam merintis jalan bagi mencapai kerjaya yang diingini. Walau apapun halangannya, bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Saya yakin bahawa selagi manusia belum pupus di dunia ini, selagi itulah muzik akan terus wujud untuk mengubat hati dan jiwa. Seperti yang dinyanyikan oleh P. Ramlee, “andai dipisah lagu dan irama, lemah tiada berjiwa, hampa”. Tidak kiralah jika hanya menjadi penyanyi bilik mandi ataupun seniman terulung, irama dan melodi akan terus menjadi teman setia kehidupan manusia.



Beh May Ting merupakan penyelidik projek di Program Kajian Sejarah dan Serantau, Penang Institute. Beliau mendapat ijazah sarjana kedoktoran dalam bidang antropologi dari Monash University, Malaysia.